

**K. P.U. 13.**

**ENAKMEN SUMBER AIR KEDAH 2008**

**PERATURAN-PERATURAN SUMBER AIR KEDAH  
(AKTIVITI PELEPASAN EFLUEN) 2017**

---

**SUSUNAN PERATURAN**

---

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

**BAHAGIAN II**

**PELESENAN**

3. Permohonan bagi lesen
4. Pemberian lesen
5. Tempoh dan pembaharuan lesen
6. Perubahan butir-butir pemegang lesen
7. Penggantian lesen
8. Syarat standard yang terpakai bagi semua pemegang lesen
9. Lesen hendaklah dipamerkan dan dikemukakan apabila dikehendaki

**BAHAGIAN III**

**FI, CAJ DAN SEKURITI**

10. Fi lesen
11. Caj aktiviti pelepasan efluen
12. Sekuriti
13. Mendapatkan wang yang kena dibayar

## BAHAGIAN IV

## KAWALAN AKTIVITI PELEPASAN EFLUEN

## Peraturan

14. Kehendak bagi kawalan am
15. Had piawaian bagi parameter yang dibenarkan
16. Pemantauan kualiti air
17. Titik pensampelan ujian kualiti air
18. Kaedah penyelenggaraan aktiviti pelepasan efluen
19. Pemberhentian operasi aktiviti pelepasan efluen

## BAHAGIAN V

## AM

20. Salinan lesen diperakui sah
21. Penyerahan balik lesen
22. Carian
23. Pelanjutan masa
24. Pematuhan kepada undang-undang bertulis yang lain

## BAHAGIAN VI

## KECUALIAN

25. Kecualian

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

JADUAL KEEMPAT

JADUAL KELIMA

JADUAL KEENAM

JADUAL KETUJUH

## ENAKMEN SUMBER AIR KEDAH 2008

## PERATURAN-PERATURAN SUMBER AIR KEDAH (AKTIVITI PELEPASAN EFLUEN) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 93(d), (e), dan (g), Enakmen Sumber Air Kedah 2008 [*Enakmen 7*], Lembaga dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri membuat peraturan-peraturan seperti yang berikut:

## BAHAGIAN I

## PERMULAAN

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Sumber Air Kedah (Aktiviti Pelepasan Efluen) 2017**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2017.

**Tafsiran**

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“ahli kimia” ertinya ahli kimia yang berdaftar di bawah Akta Ahli Kimia 1975 [*Akta 158*] dan berfungsi sebagai penasihat bagi pengeluaran sebarang dokumen yang menjadi laporan terhadap mana-mana orang, benda atau barang yang diperiksa atau dianalisis yang menjadi had piawai parameter yang dianalisis terhadap sebarang perkara atau benda yang dikemukakan padanya untuk laporan atau benda yang dianalisis bolehlah diguna sebagai keterangan dalam sebarang prosiding perundangan, penyiasatan atau prosiding lain di bawah Peraturan-Peraturan ini atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain;

“aktiviti kuari” ertinya sebarang jenis aktiviti kuari termasuklah pengambilan pasir, pencucian pasir, tanah dan lain-lain tanpa mengira kuantiti yang berkeluasan kurang daripada dua puluh hektar;

“aktiviti pelepasan efluen” ertinya apa-apa aktiviti yang dilesen termasuk akuakultur air tawar dalam kolam atau sangkar, akuakultur air laut dalam kolam, aktiviti pembangunan atau kerja tanah, penternakan babi, penternakan selain babi, haiwan kesayangan, aktiviti kuari, bengkel kenderaan dan aktiviti pertanian;

“aktiviti pertanian” ertinya apa-apa aktiviti pertanian termasuklah komersial dan pertanian persendirian tetapi tidak terhad kepada tanaman seperti getah, kelapa sawit, pokok buah naga, tembikai, nenas dan lain-lain kecuali aktiviti tanaman padi;

“aktiviti yang dilesen” ertinya aktiviti yang dikeluarkan lesen di bawah Peraturan-Peraturan ini;

---

“akuakultur air laut dalam kolam” ertinya apa-apa aktiviti akuakultur air laut dalam kolam tetapi tidak terhad kepada apa-apa spesies udang, ikan siakap dan lain-lain;

“akuakultur air tawar dalam kolam atau sangkar” ertinya apa-apa aktiviti akuakultur air tawar dalam kolam atau sangkar tetapi tidak terhad kepada ikan siakap, ikan keli, ikan tilapia, udang galah dan lain-lain;

“beban efluen” ertinya kadar parameter pelepasan efluen yang melebihi had piawaian dibenarkan;

“bengkel kenderaan” ertinya aktiviti baik pulih tetapi tidak terhad kepada baik pulih kenderaan seperti kereta, motosikal, lori, van, bas dan lain-lain serta vesel seperti bot nelayan, bot penumpang, bot memancing dan lain-lain;

“had piawaian dibenarkan” ertinya jumlah atau nilai pelepasan parameter yang dibenarkan;

“haiwan kesayangan” ertinya penternakan haiwan peliharaan tetapi tidak terhad kepada anjing atau kucing melebihi daripada dua puluh ekor;

“kerja-kerja penyelenggaraan” ertinya kerja baik pulih atau sebarang kerja tukang;

“parameter” ertinya mana-mana faktor yang ditetapkan dalam ruangan 3 Jadual Keempat;

“pembangunan atau kerja tanah” ertinya tafsiran yang sama menurut seksyen 2 Enakmen;

“pemegang lesen” ertinya mana-mana orang yang diberikan lesen untuk menjalankan aktiviti yang dilesen di bawah Peraturan-Peraturan ini;

“pengarah” ertinya pegawai yang dilantik sebagai Pengarah Sumber Air menurut seksyen 11 Enakmen;

“penternakan babi” ertinya penternakan babi di semua ladang tanpa mengira bilangan;

“penternakan selain babi” ertinya apa-apa aktiviti penternakan termasuklah tetapi tidak terhad kepada:

- (a) ternakan berkaki dua termasuk ayam, itik, angsa, ayam belanda, ayam mutiara, puyuh, merpati, burung unta, burung emu dan lain-lain yang melibatkan sepuluh ribu ekor atau lebih ternakan; atau
- (b) ternakan berkaki empat termasuk lembu, kambing, bebiri, kerbau, rusa dan lain-lain yang melibatkan lima puluh ekor atau lebih ternakan.

“sekuriti” ertinya apa-apa bayaran deposit yang dikenakan menurut seksyen 48 Enakmen; dan

“struktur tahanan” ertinya binaan kolam takungan bagi tujuan proses pemendapan efluen sebelum dilepaskan ke atas atau dalam badan perairan.

## BAHAGIAN II

### PELESENAN

#### **Permohonan lesen**

3. (1) Tertakluk kepada seksyen 44 Enakmen, setiap permohonan lesen hendaklah dibuat dalam Borang A dan Borang C masing-masing sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dan Jadual Kelima.

(2) Setiap permohonan lesen hendaklah disertai dengan fi pemprosesan yang ditetapkan sebagaimana yang dinyatakan dalam Susunan A Jadual Kedua.

(3) Sesuatu permohonan untuk dua atau lebih lesen hendaklah dibuat dalam borang permohonan yang berasingan.

(4) Sesuatu permohonan hendaklah disertai dengan status pemilikan tanah, dan jika tanah tidak dimiliki oleh pemohon, apa-apa kebenaran, persetujuan dan lain-lain bukti bagi tujuan penggunaan tanah bagi tujuan lesen kepada Pengarah.

(5) Pemohon hendaklah mengemukakan kebenaran merancang atau pelan bangunan atau lain-lain kelulusan yang diperuntukkan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*].

(6) Pemohon hendaklah mematuhi undang-undang berkaitan bangunan, kerja tanah dan sebagainya seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [*Akta 133*], perundangan subsidiari dan undang-undang kecil yang berkaitan.

(7) Fi pemprosesan yang ditetapkan sebagaimana yang dinyatakan dalam Susunan A Jadual Kedua tidak akan dikembalikan kepada pemohon sama ada permohonan diluluskan atau tidak oleh Pengarah.

#### **Pemberian lesen**

4. (1) Apabila permohonan diluluskan, Pengarah hendaklah mengeluarkan lesen tertakluk kepada—

(a) pembayaran apa-apa fi yang ditetapkan sebagaimana yang dinyatakan dalam Susunan A Jadual Kedua; dan

(b) penetapan terma dan syarat lesen bagi pematuhannya oleh pemegang lesen yang dinyatakan di dalamnya.

(2) Sesuatu lesen yang diberikan hendaklah dalam Borang B sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

### **Tempoh dan pembaharuan lesen**

5. (1) Tertakluk kepada subseksyen 47(2) Enakmen, suatu lesen yang diberikan oleh Pengarah adalah tertakluk kepada pembaharuan setiap lima tahun dari tarikh pemberian atau pembaharuan berikutnya melainkan dinyatakan selainnya di dalam lesen itu.

(2) Sesuatu permohonan untuk pembaharuan sesuatu lesen hendaklah dibuat dalam Borang A sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama tidak lewat daripada enam bulan sebelum habis tempoh yang disebut dalam subperaturan (1) dan hendaklah disertai dengan apa-apa maklumat yang dikehendaki oleh Pengarah.

(3) Jika pemohon gagal untuk membuat permohonan bagi pembaharuan dalam tempoh masa yang dinyatakan dalam subperaturan (2), lesen itu hendaklah luput di akhir tempoh yang dinyatakan dalam subperaturan (1) melainkan jika pemohon dibenarkan oleh Pengarah untuk mengemukakan permohonan untuk pembaharuan pada tarikh yang kemudian.

### **Perubahan butir-butir pemegang lesen**

6. Pemegang lesen hendaklah memberitahu Pengarah secara bertulis dengan seberapa segera yang mungkin, tentang apa-apa perubahan butir-butir pemegang lesen dan pemberitahuan itu hendaklah disertai dengan fi yang ditetapkan sebagaimana yang dinyatakan dalam Susunan A Jadual Kedua.

### **Penggantian lesen**

7. (1) Jika suatu lesen hilang atau musnah, pemegang lesen hendaklah membuat laporan kepada Pengarah berkenaan dengan kehilangan atau kemusnahan itu.

(2) Suatu permohonan untuk penggantian lesen hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pengarah dan hendaklah disertai dengan apa-apa maklumat yang dikehendaki oleh Pengarah dan fi yang ditetapkan bagi penggantian lesen itu sebagaimana yang dinyatakan dalam Susunan A Jadual Kedua.

(3) Jika Pengarah berpuas hati bahawa kehilangan atau kemusnahan suatu lesen bukan disebabkan oleh apa-apa fraud, Pengarah boleh mengeluarkan lesen gantian dalam bentuk yang sama dengan yang asal tetapi dengan perkataan "SALINAN PENDUA" diendorskan pada lesen itu.

(4) Salinan pendua lesen yang dikeluarkan di bawah subperaturan (3) hendaklah mempunyai kesan yang sama dengan lesen yang asal.

---

**Syarat standard yang terpakai bagi semua pemegang lesen**

8. (1) Pemegang lesen hendaklah tertakluk kepada syarat standard yang berikut:

- (a) mengadakan dan menyelenggara suatu daftar yang lengkap dan terperinci berkenaan semua aset mengenai aktiviti yang dilesen sebagaimana yang terpakai, termasuk gambar rajah atau pelan yang bersesuaian dalam apa-apa format atau yang mengandungi apa-apa maklumat sebagaimana yang dikehendaki oleh Pengarah daripada semasa ke semasa;
- (b) memberikan maklumat dalam apa-apa format dan pada lat tempoh tertentu, sebagaimana yang dikehendaki oleh Pengarah mengikut Enakmen dan perundangan subsidiarinya;
- (c) pada setiap masa memastikan bahawa kesemua kakitangan pengurusan dan operasi yang utama, ejennya dan subkontraktornya mempunyai dan mengekalkan kelayakannya sebagaimana yang ditentukan oleh Pengarah dari semasa ke semasa atau ditetapkan di bawah Enakmen, untuk mengerjakan, menguruskan atau mengendalikan aktiviti yang dilesen;
- (d) mematuhi undang-undang alam sekitar yang berkaitan;
- (e) mematuhi terma dan syarat lesennya, peruntukan Enakmen dan mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat atau instrumen lain yang dikeluarkan di bawah Enakmen;
- (f) menanggung rugi Kerajaan Negeri, Pengarah dan Lembaga terhadap apa-apa tuntutan dan prosiding yang diambil terhadap Kerajaan Negeri, Pengarah atau Lembaga yang berbangkit daripada atau disebabkan oleh apa-apa pelanggaran atau kegagalan di pihak pemegang lesen; dan
- (g) mematuhi apa-apa syarat lain sebagaimana yang diputuskan oleh Pengarah dari semasa ke semasa.

(2) Pengarah boleh membatalkan, mengubah, menambah atau menggantikan apa-apa terma dan syarat lesen.

(3) Suatu permohonan untuk kelulusan di bawah subperaturan (2) hendaklah dikemukakan kepada Pengarah.

**Lesen hendaklah dipamerkan dan dikemukakan apabila dikehendaki**

9. (1) Pemegang lesen hendaklah mempamerkan lesennya pada sepanjang masa di suatu tempat yang mudah dilihat di lokasi aktiviti yang dilesen dan hendaklah mengemukakannya jika dikehendaki berbuat demikian oleh Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa.

(2) Pemegang lesen yang tidak mematuhi subperaturan (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

### BAHAGIAN III

#### FI, CAJ DAN SEKURITI

##### **Fi lesen**

10. (1) Pemegang lesen hendaklah membayar fi lesen yang ditetapkan sebagaimana yang dinyatakan dalam Susunan A Jadual Kedua.

(2) Fi yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah dibayar kepada Lembaga mengikut apa-apa kaedah dan apa-apa cara sebagaimana yang diputuskan oleh Pengarah dari semasa ke semasa.

(3) Fi lesen yang ditetapkan sebagaimana yang dinyatakan dalam Susunan A Jadual Kedua tidak akan dikembalikan kepada pemegang lesen sama ada aktiviti itu dijalankan atau tidak oleh pemegang lesen.

##### **Caj aktiviti pelepasan efluen**

11. (1) Mana-mana orang yang menjalankan aktiviti pelepasan efluen melebihi had piawaian dibenarkan hendaklah membayar caj yang ditetapkan sebagaimana yang dinyatakan dalam Susunan B Jadual Kedua.

(2) Lembaga boleh melalui Pengarah atas permohonan pemegang lesen mengecualikan caj aktiviti pelepasan efluen jika difikirkan patut.

(3) Pemegang lesen hendaklah membuat bayaran cukai jualan dan perkhidmatan bagi caj pelepasan efluen sepertimana diperuntukkan di bawah Akta Cukai Jualan dan Perkhidmatan 2014 [*Akta 762*].

(4) Caj yang disebut dalam subperaturan (1) dan subperaturan (3) hendaklah dibayar kepada Lembaga mengikut apa-apa kaedah dan dengan apa-apa cara sebagaimana yang diputuskan oleh Pengarah dari semasa ke semasa.

##### **Sekuriti**

12. (1) Tertakluk kepada seksyen 48 Enakmen, mana-mana orang yang menjalankan aktiviti pelepasan efluen hendaklah membayar sekuriti yang ditetapkan sebagaimana yang dinyatakan dalam Susunan C Jadual Kedua.

(2) Pembayaran sekuriti hendaklah dibuat bersama-sama fi lesen.

(3) Tanpa menjejaskan keluasan maksud subperaturan (2), Pengarah boleh atas permohonan pemohon membenarkan sekuriti dibayar secara berperingkat tidak melebihi tiga bulan daripada tarikh lesen dikeluarkan.



(4) Jika Pengarah mendapati bahawa aktiviti yang dilesen itu telah menyebabkan kerosakan kepada mana-mana tempat atau premis pihak ketiga, Pengarah boleh melalui notis bertulis mengarahkan pemegang lesen membaik pulih kerosakan tersebut dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis bertulis itu.

(5) Kos membaik pulih menurut subperaturan (4) hendaklah ditanggung oleh pemegang lesen.

(6) Pengarah boleh—

- (a) mengarahkan pemegang lesen untuk menghentikan operasi aktiviti yang dilesen itu serta merta sehingga kerja-kerja membaik pulih selesai;
- (b) mengkehendaki pemegang lesen untuk mengemukakan laporan mengenai kerja-kerja membaik pulih yang dijalankan itu; dan
- (c) mengeluarkan arahan sambung kerja kepada pemegang lesen selepas berpuas hati sepenuhnya dengan kerja-kerja membaik pulih tertakluk kepada subperaturan (8).

(7) Jika pemegang lesen tidak membaik pulih kerosakan itu, Pengarah hendaklah menjalankan atau menyebabkan supaya kerja membaik pulih dan kos sebenar membaik pulih kerosakan itu hendaklah ditolak daripada sekuriti yang dibayar oleh pemegang lesen.

(8) Jika kos sebenar membaik pulih kerosakan yang telah dijalankan oleh Pengarah di bawah subperaturan (7)—

- (a) melebihi sekuriti yang dibayar oleh pemegang lesen bagi membaik pulih kerosakan, pemegang lesen itu hendaklah membayar perbezaan kos sedemikian kepada Pengarah; atau
- (b) kurang daripada sekuriti yang dibayar oleh pemegang lesen bagi membaik pulih kerosakan, Pengarah hendaklah mengarahkan pemegang lesen untuk menambah sekuriti supaya kekal kepada jumlah yang ditetapkan.

(9) Sekuriti itu hendaklah dikembalikan kepada pemegang lesen dalam tempoh enam bulan selepas aktiviti yang dilesen itu berhenti beroperasi atau lesen tamat, tertakluk kepada pematuhan terma dan syarat lesen.

(10) Mana-mana pemegang lesen yang tidak mematuhi mana-mana subperaturan di atas adalah melakukan suatu kesalahan.

### **Mendapatkan wang yang kena dibayar**

13. (1) Apa-apa jumlah wang yang berkenaan dengan aktiviti yang dilesen hendaklah kena dibayar dalam masa tiga puluh hari dari tarikh penyerahan bil, notis, resit atau invois dan jika jumlah itu tidak dibayar sedemikian, jumlah itu boleh didapati oleh Pengarah sebagai suatu hutang yang terakru kepada Lembaga melalui tindakan sivil di mahkamah.

(2) Suatu pernyataan bertulis oleh mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Pengarah dan diperakui sewajarnya yang menyatakan amaun yang kena dibayar hendaklah menjadi keterangan prima facie mengenai bayaran yang kena dibuat oleh pemegang lesen di bawah subperaturan (1).

#### BAHAGIAN IV

##### KAWALAN AKTIVITI PELEPASAN EFLUEN

#### **Kehendak bagi kawalan am**

14. (1) Tertakluk kepada seksyen 41 Enakmen, pemegang lesen hendaklah memastikan aktiviti pelepasan efluen dijalankan di bawah parameter dan had piawaian dibenarkan yang ditetapkan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Keempat.

(2) Pengarah boleh mengarahkan pemegang lesen untuk mengemukakan perancangan kawalan mitigasi, kaedah pelan kontigensi dan pelan pemulihan merangkumi asas tapak kerja, pembaikan di luar tapak kerja dan langkah-langkah yang difikirkan perlu.

(3) Jika apa-apa pencemaran sumber air yang tidak wajar berlaku, pemegang lesen atau orang atau pemunya yang bertanggungjawab bagi aktiviti itu hendaklah memaklumkan kepada Pengarah dan mengemukakan notis bertulis dalam tempoh dua puluh empat jam dan hendaklah dengan segera mengambil langkah yang munasabah yang perlu untuk memulihkan dan mengurangkan kesan yang buruk itu ke atas sumber air itu dan persekitarannya.

(4) Pemegang lesen tidak dibenarkan melepaskan efluen selain daripada aktiviti pelepasan efluen yang dinyatakan dalam lesen.

(5) Pemegang lesen aktiviti pelepasan efluen hendaklah mengemukakan kaedah pelupusan efluen dalam Borang C sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kelima.

(6) Pemegang lesen hendaklah mematuhi had keluasan, bilangan dan jenis aktiviti ditetapkan sebagaimana dinyatakan dalam Jadual Keenam.

(7) Mana-mana pemegang lesen atau orang yang bertanggungjawab bagi aktiviti itu yang tidak mematuhi mana-mana subperaturan di atas adalah melakukan suatu kesalahan.

#### **Had piawaian bagi parameter dibenarkan**

15. Pengarah boleh melalui notis secara bertulis menambah apa-apa had parameter lain yang tidak ditetapkan dalam Jadual Keempat.

#### **Pemantauan kualiti air**

16. (1) Pemegang lesen hendaklah atas kosnya sendiri menjalankan ujian pemantauan kualiti air pada setiap bulan atau suatu lat tempoh yang ditentukan oleh Pengarah.

(2) Ujian pemantauan kualiti air hendaklah diseliasa oleh seorang ahli kimia yang dilantik oleh pemegang lesen dan laporan ujian pemantauan kualiti air hendaklah disahkan oleh makmal yang diakredit oleh Jabatan Standard Malaysia.

(3) Laporan itu hendaklah dikemukakan kepada Pengarah bersama-sama Borang D sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketujuh.

#### **Titik pensampelan ujian kualiti air**

17. (1) Pemegang lesen bagi aktiviti akuakultur air tawar dalam kolam atau sangkar hendaklah mengambil titik sampel ujian kualiti air di titik pensampelan yang ditetapkan iaitu sepuluh meter dari hulu dan hilir aktiviti itu dijalankan.

(2) Pemegang lesen bagi akuakultur air laut dalam kolam, pembangunan atau kerja tanah, penternakan selain babi, penternakan babi, haiwan kesayangan, aktiviti kuari, bengkel kenderaan dan aktiviti pertanian hendaklah mengambil titik sampel ujian kualiti air di titik pensampelan yang ditetapkan iaitu dari kawasan air keluar di lokasi aktiviti itu dijalankan.

(3) Pengarah boleh melalui notis bertulis, mengarahkan pemegang lesen untuk menambah lokasi titik pensampelan kualiti air jika difikirkan patut.

#### **Kaedah penyelenggaraan aktiviti pelepasan efluen**

18. (1) Tertakluk kepada subperaturan 14(6), mana-mana orang atau pemegang lesen hendaklah memastikan apa-apa kerja penyelenggaraan struktur tahanan atau penyelenggaraan lain tidak mencemarkan atas atau dalam tanah atau atas atau dalam mana-mana sumber air.

(2) Mana-mana orang atau pemegang lesen yang tidak mematuhi subperaturan (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

#### **Pemberhentian operasi aktiviti pelepasan efluen**

19. (1) Mana-mana pemegang lesen yang hendak menghentikan operasi aktiviti pelepasan efluen atas apa-apa sebab hendaklah memberi dua bulan notis bertulis sebelum pemberhentian operasi kepada Pengarah.

(2) Pengarah boleh pada bila-bila masa mengarahkan pemegang lesen atau mana-mana orang untuk memberhentikan operasi aktiviti pelepasan efluen secara sementara atau kekal jika Pengarah berpuas hati—

(a) pemegang lesen melanggar kehendak kawalan am di bawah peraturan 14;

(b) pemegang lesen melanggar terma dan syarat yang ditetapkan dalam lesen; dan

(c) pemegang lesen telah mencemarkan sumber air melebihi had piawaiian dibenarkan.

(3) Pengarah boleh pada bila-bila masa mengarahkan pemegang lesen untuk mengeluarkan sebarang peralatan daripada kawasan aktiviti pelepasan efluen jika difikirkan patut.

(4) Apa-apa kos yang timbul daripada atau berkaitan dengan tindakan yang diambil di bawah peraturan ini hendaklah ditanggung oleh pemegang lesen.

(5) Mana-mana orang atau pemegang lesen yang tidak mematuhi mana-mana subperaturan di atas adalah melakukan suatu kesalahan.

## BAHAGIAN V

### AM

#### **Salinan lesen diperakui sah**

20. (1) Pemegang lesen boleh memohon kepada Pengarah secara bertulis untuk mendapatkan suatu salinan diperakui sah lesen.

(2) Setelah dibayar fi yang ditetapkan sebagaimana yang dinyatakan dalam Susunan A Jadual Kedua, Pengarah hendaklah memberikan suatu salinan diperakui sah lesen yang berkaitan kepada pemegang lesen itu.

#### **Penyerahan balik lesen**

21. (1) Pemegang lesen boleh menyerah balik lesennya berserta dengan suatu notis bertulis mengenai penyerahan balik dan lesen tersebut hendaklah dibatalkan oleh Pengarah.

(2) Pembatalan lesen itu hendaklah berkuat kuasa serta-merta atau pada suatu tarikh yang dinyatakan dalam notis itu.

(3) Pengarah hendaklah menyebabkan satu notis berhubung penyerahan balik lesen itu dimaklumkan kepada orang awam dengan menampalkan sesalinan notis itu di pejabat Lembaga.

#### **Carian**

22. (1) Mana-mana orang pada bila-bila masa dalam waktu pejabat yang biasa, tertakluk kepada bayaran fi yang ditetapkan sebagaimana yang dinyatakan dalam Susunan A Jadual Kedua dan apa-apa syarat lain, jika ada, yang boleh dikenakan, membuat semakan dan mengambil nota atau cabutan daripada—

(a) mana-mana daftar lesen; dan

(b) apa-apa instrumen urus niaga atau permohonan yang dikemukakan atau dibuat kepada atau dalam jagaan Pengarah.

(2) Mana-mana orang boleh memohon kepada Pengarah untuk membuat carian rasmi berkenaan dengan mana-mana lesen.

(3) Suatu permohonan hendaklah disertakan dengan bayaran fi yang ditetapkan sebagaimana yang dinyatakan dalam Susunan A Jadual Kedua dan Pengarah hendaklah secepat mungkin setelah menerima permohonan itu, mengeluarkan kepada pemohon itu satu sijil carian rasmi di bawah tandatangan dan meterainya, dengan maklumat berkenaan lesen yang berdaftar itu.

(4) Suatu salinan yang diakui sah mana-mana dokumen yang difailkan atau diserahkan pada Pengarah boleh digunakan sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding undang-undang.

### **Pelanjutan masa**

23. Walau apa-apa jua yang terkandung dalam Peraturan-Peraturan ini atau apa-apa permintaan oleh Pengarah, jika suatu tempoh masa dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan ini atau mana-mana permintaan oleh Pengarah supaya sesuatu tindakan dibuat atau sesuatu syarat dipenuhi, orang yang berkenaan boleh memohon pelanjutan masa secara bertulis dan Pengarah atau Lembaga, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh membenarkan pelanjutan masa itu sebagaimana yang disifatkan patut olehnya.

### **Pematuhan kepada undang-undang bertulis yang lain**

24. Pengeluaran mana-mana lesen atau kebenaran di bawah Peraturan-Peraturan ini tidak mengesahkan apa-apa perbuatan atau tindakan yang mengkehendaki kebenaran atau kelulusan tertentu di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain dan pemegang lesen tidak dikecualikan daripada mematuhi kehendak undang-undang bertulis yang lain berkenaan dengan kebenaran atau kelulusan itu.

## **BAHAGIAN VI**

### **KECUALIAN**

#### **Kecualian**

25. (1) Apa-apa notis, perintah, kompaun, lesen atau dokumen yang telah dikeluarkan sebelum tarikh kuat kuasa Peraturan-Peraturan itu hendaklah terus terpakai dan berkuat kuasa seolah-olah telah dikeluarkan atau dibuat di bawah Peraturan-Peraturan ini hingga dibatalkan atau tamat tempohnya.

(2) Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri adalah dikecualikan daripada kehendak memegang lesen di bawah Enakmen.

(3) Walau apapun pengecualian yang diberikan di bawah subperaturan (2), Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri adalah dikehendaki untuk mematuhi kewajipan dan obligasi, kecuali pembayaran apa-apa fi, caj, dan sekuriti di bawah Enakmen seolah-olah ia merupakan pemegang lesen.

---

 JADUAL PERTAMA

[Subperaturan 3(1), 5(2)/Subregulations 3(1), (5)2]

## BORANG A/FORM A

 ENAKMEN SUMBER AIR KEDAH 2008  
 KEDAH WATER RESOURCES ENACTMENT 2008

PERATURAN-PERATURAN SUMBER AIR KEDAH (AKTIVITI PELEPASAN EFLUEN) 2017  
 KEDAH WATER RESOURCES (EFFLUENT DISCHARGE ACTIVITIES) REGULATIONS 2017

PERMOHONAN LESEN/ PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN AKTIVITI PELEPASAN EFLUEN  
 APPLICATION FOR LICENCE/ APPLICATION FOR RENEWAL OF EFFLUENT DISCHARGE ACTIVITIES LICENCE

 1. Jenis permohonan  
*Types of application*

(a) Permohonan baru\*  
*New application\**

(b) Pembaharuan\*  
*Renewal\**

\* Nota: sesuatu permohonan untuk dua lesen atau lebih perlu dibuat dalam borang permohonan yang berasingan, setiapnya disokong dengan maklumat yang berkaitan.

\* *Note: an application for two or more licences shall be made in separate application forms, each supported by the relevant information.*

---

 A. BUTIRAN PEMOHON  
 PARTICULARS OF APPLICANT
 

---

1. Nama pemohon/syarikat dan no. syarikat  
*Name of applicant/company and company no.*

2. Alamat berdaftar  
*Registered address*

No. telefon  
*Telephone no.*

No. faks  
*Faks no.*

Alamat e-mel  
*E-mail address*

3. Tempat perniagaan utama  
*Principal place of business*

No. telefon  
*Telephone no.*

No. faks  
*Fax no.*

Alamat e-mel  
*E-mail address*

4. Perihalhan kemudahan atau perkhidmatan yang dikendalikan atau disediakan dan lokasi kemudahan  
*Description of the facilities or services to be operated or provided and location of the facilities*
5. Kawasan yang dicadangkan di mana aktiviti dijalankan  
*Proposed area in which activity is to be operated*

---

**B. MAKLUMAT**  
**INFORMATION**

---

1. Butir-butir dua pengurus atau seorang pengurus dan setiausaha syarikat pemohon yang boleh dihubungi untuk maklumat lanjut  
*Particulars of two persons namely two directors or a director and the company secretary of the applicant who may be contacted for further information*

Nama <i>Name</i>	Jawatan <i>Position</i>	No. telefon <i>Telephone no.</i>	Alamat <i>Address</i>

2. Kesemua maklumat lain yang dikehendaki di bawah seksyen 44, Enakmen Sumber Air Kedah 2008 dan peraturan 8, Peraturan-Peraturan Sumber Air Kedah (Aktiviti Pelepasan Efluen) 2017 adalah dikepikan sebagai lampiran kepada permohonan ini.  
*All other information required under section 44, Kedah Water Resources Enactment 2008 and subregulation 8, Kedah Water Resources (Effluent Discharge Activities) Regulations 2017 are enclosed as appendixes to this application.*

3. Apa-apa maklumat tambahan yang dianggap relevan kepada permohonan ini.

*Any additional information considered relevant to this application.*

Kami, \_\_\_\_\_, pemohon mengaku dan mengesahkan mengikut peruntukan-peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960 [Akta 13] yang berikut:

*We, \_\_\_\_\_, the applicant declare and confirm in accordance with the provisions of the Statutory Declaration Act 1960 [Act 13] of the following:*

- (a) kami telah mematuhi seksyen 44, Enakmen Sumber Air Kedah 2008;  
*we have complied with section 44, Kedah Water Resources Enactment 2008;*
- (b) sepanjang pengetahuan kami, tiada penerima atau penerima dan pengurus telah dilantik berkenaan dengan perniagaan, aset atau perusahaan kami;  
*to the best of our knowledge, no receiver or receiver and manager has been appointed in respect of our business, assets or undertaking;*
- (c) kami tidak membuat apa-apa kompromi atau perkiraan dengan pemiutang-pemiutang dan tidak bercadang, pada masa permohonan ini dibuat, untuk membuat kompromi atau perkiraan dengan pemiutang-pemiutang;  
*we have not entered into a compromise or arrangement with creditors and not intending, at the time of this application, to enter into a compromise or arrangement with creditors;*
- (d) sepanjang pengetahuan kami, tiada petisyen untuk menggulung telah dikemukakan dalam mahkamah dan tiada petisyen untuk menggulung akan dikemukakan dalam mahkamah; dan  
*to the best of our knowledge, there is no winding up petition presented in court and no winding up petition is to be presented in court; and*
- (e) kami layak untuk memohon lesen individu di bawah Enakmen Sumber Air Kedah 2008 dan semua maklumat yang diberikan dalam permohonan ini dan dalam lampiran yang dikepilkan bersama adalah benar dan tepat.  
*we are eligible to apply for an individual licence under the Kedah Water Resources Enactment 2008 and all information given in this application and in the attached appendixes are true and accurate.*



Tarikh  
*Date*

Ditandatangani oleh  
*Signed by*

Untuk dan bagi pihak  
*For and on behalf of*

Catatan:

Jika ruang yang disediakan tidak mencukupi untuk menyediakan maklumat, sila kepilkan lampiran. Sebarang lampiran perlu dipaparkan oleh penandatangani permohonan ini.

*Note:*

*If the space provided is insufficient to provide the particulars, please attach appendixes. Any appendix should be initiated by the signatory to this application.*

JADUAL KEDUA

SUSUNAN A

(1)	(2) Fi	(3) Jumlah (RM)
1.	Fi pemprosesan [subperaturan 3(2)]	150.00
2.	Fi bagi perubahan butir-butir pemegang lesen [peraturan 6]	50.00
3.	Fi bagi penggantian lesen [subperaturan 7(2)]	100.00
4.	Fi lesen [subperaturan 10(1)]	500.00/setahun
5.	Fi salinan lesen diperakui sah [subperaturan 20(2)]	50.00
6.	Carian persendirian [subperaturan 22(1)]	10.00
7.	Carian rasmi [subperaturan 22(3)]	30.00

\* Walau apapun yang disebut oleh subperaturan 10(1), bagi tujuan “one off” bayaran fi lesen yang terpakai adalah seperti ruangan 3 Susunan A.

## SUSUNAN B

## Subperaturan 11(1)

## KAEDAH PENGIRAAN CAJ BAGI BEBAN EFLUEN

1. Mana-mana pelepasan efluen pada sesuatu masa hendaklah dikirakan sebagai pelepasan bagi satu hari yang genap.
2. Caj di dalam ruangan 3 Susunan B hendaklah dikira bagi setiap kilogram (kg) bahan pencemaran yang dilepaskan melebihi had piawai yang ditetapkan.

(1) Bil.	(2) Parameter	(3) Caj bagi setiap kilogram pelepasan efluen (RM)
1.	Keperluan Oksigen Biokimia (BOD <sub>5</sub> )	0.06
2.	Keperluan Oksigen Kimia (COD)	0.08
3.	Jumlah Pepejal Terampai (TSS)	0.04
4.	Minyak dan Gris	0.22
5.	Jumlah Nitrat (TN)	0.04
6.	Jumlah Fosforus (TP)	0.04
7.	Ammoniakal Nitrogen (AN)	0.05

## SUSUNAN C

## Subperaturan 12(1)

(1) Bil	(2) Aktiviti pelepasan efluen	(3) Had keluasan, bilangan dan jenis	(4) Jumlah (RM)
1.	Akuakultur air tawar dalam kolam atau sangkar	1-10 hektar	5,000.00
		10- 20 hektar	10,000.00
2.	Akuakultur air laut dalam kolam	1-5 hektar	5,000.00
		5-10 hektar	10,000.00

(1) Bil	(2) Aktiviti pelepasan efluen	(3) Had keluasan, bilangan dan jenis	(4) Jumlah (RM)
3.	Pembangunan atau kerja tanah	1-10 hektar 10-20 hektar	10,000.00 20,000.00
4.	Penternakan babi	semua ladang tanpa mengira bilangan	10,000.00
5.	Penternakan selain babi	ternakan berkaki 2 (lebih daripada 10,000 ekor) ternakan berkaki 4 (lebih daripada 50 ekor)	10,000.00
6.	Haiwan kesayangan	anjing atau kucing lebih daripada 20 ekor	3,000.00
7.	Aktiviti kuari	sebarang jenis pengambilan pasir, pencucian pasir, tanah dan lain-lain tanpa mengira kuantiti. perlombongan atau kuari kurang daripada 20 hektar.	20,000.00
8.	Bengkel kenderaan	kenderaan (tidak terhad kepada kereta, motosikal, lori, van, bas dan lain-lain) vesel	3,000.00 3,000.00
9.	Aktiviti pertanian	1-10 hektar 10-20 hektar	5,000.00 10,000.00



3. Lesen hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut  
*The licence shall be the subject to the following conditions*

Syarat-syarat standard lesen yang berikut  
*The following standard licence conditions*

Syarat-syarat khas yang berikut  
*The following special conditions*

Bertarikh  
*Dated*

Pengarah Sumber Air/*Water Resources Director*  
Lembaga Sumber Air Negeri Kedah/*Kedah Water Resources Board*

JADUAL KEEMPAT

Subperaturan 14(1)

(1) Bil.	(2) Aktiviti pelepasan efluen	(3) Parameter	(4) Had piawaian dibenarkan
1.	Akuakultur air tawar dalam kolam atau sangkar	AN	5 mg/l
		BOD <sub>5</sub>	50 mg/l
		TSS	100 mg/l
		TN	10 mg/l
		TP	1 mg/l
2.	Akuakultur air laut dalam kolam	AN	5 mg/l
		BOD <sub>5</sub>	50 mg/l
		TSS	100 mg/l
		TN	10 mg/l
		TP	1 mg/l
3.	Pembangunan atau kerja tanah	TSS	100 mg/l
		Minyak & Gris	10 mg/l
4.	Penternakan babi	AN	200 mg/l
		BOD <sub>5</sub>	50 mg/l
		COD	500 mg/l
		TSS	100 mg/l
5.	Penternakan selain babi	AN	200 mg/l
		BOD <sub>5</sub>	200 mg/l
		COD	500 mg/l
		TSS	500 mg/l

(1) Bil.	(2) Aktiviti pelepasan efluen	(3) Parameter	(4) Had piawaian dibenarkan
6.	Haiwan kesayangan	AN	300 mg/l
		BOD <sub>5</sub>	50 mg/l
		COD	500 mg/l
		TSS	250 mg/l
7.	Aktiviti kuari	TSS	50 mg/l
		Minyak & Gris	1 mg/l
8.	Bengkel kenderaan	Minyak & Gris	1 mg/l
9.	Aktiviti pertanian	TSS	50 mg/l
		AN	300 mg/l
		TN	10 mg/l
		TP	1 mg/l
		Minyak & Gris	1 mg/l

JADUAL KELIMA

[Subperaturan 3(1), 14(4)/*Subregulations 3(1), 14(4)*]

BORANG C/*FORM C*

ENAKMEN SUMBER AIR KEDAH 2008  
*KEDAH WATER RESOURCES ENACTMENT 2008*

PERATURAN-PERATURAN SUMBER AIR KEDAH (AKTIVITI PELEPASAN EFLUEN) 2017  
*KEDAH WATER RESOURCES (EFFLUENT DISCHARGE ACTIVITIES) REGULATIONS 2017*

PERMOHONAN MENJALANKAN AKTIVITI PELEPASAN EFLUEN  
*APPLICATION FOR EFFLUENT DISCHARGE ACTIVITIES*

- A. Butiran Pemohon  
*Details of Applicant*
- (i) Pegawai bertanggungjawab  
*Responsible officer*
  - (ii) No. kad pengenalan  
*I/C no.*
  - (iii) No. telefon  
*Telephone no.*

B. Fasa Aktiviti  
*Activity Phase*

- (i) Fasa pembangunan  
*Development phase*
- (ii) Fasa operasi  
*Operational phase*

C. Pelepasan Efluen Daripada Aktiviti  
*Effluent Discharge Of Activities*

- (i) Akuakultur air tawar dalam kolam atau sangkar  
*Freshwater aquaculture inside pond or cage*
- (ii) Akuakultur air laut dalam kolam  
*Seawater aquaculture inside pond*
- (iii) Pembangunan atau kerja tanah  
*Development or earthwork*
- (iv) Penternakan babi  
*Pig farming*
- (v) Penternakan selain babi  
*Livestocks other than pig*
- (vi) Haiwan kesayangan  
*Pet*
- (vii) Aktiviti kuari  
*Quarry activity*
- (viii) Bengkel kenderaan  
*Workshop*
- (ix) Aktiviti pertanian  
*Agriculture*

D. Butiran kapasiti efluen  
*Details of the capacity of effluent*

- (i) Nama dan lokasi/alamat sumber air di mana efluen dimasukkan atau dilepaskan  
*Name and location/address of the the water resource where effluent is inserted or discharged*
- (ii) Lokasi titik kemasukan atau pelepasan efluen: (sertakan koordinat jika ada)  
*The point of admission or effluent is discharged: (include coordinates if any)*

(iii) Sifat dan komposisi efluen yang dimasukkan atau dilepaskan  
*The nature and composition of effluent introduced or released*

(a) Cecair  
*Liquid*

(b) Pepejal  
*Solid*

(c) Separa pepejal  
*Semi-solid*

(iv) Kekelapangan kemasukan atau aktiviti pelepasan efluen  
*Frequency of admission or effluent discharge activities*

(v) Kadar alir maksimum kemasukan atau aktiviti pelepasan efluen  
*The maximum flow rate of admission or effluent discharge activities*

(x) Peralatan untuk pengukuran kapasiti/kadar alir pelepasan efluen  
*Equipment for measurement of capacity/effluent discharge rate*

(xi) Pelan kontingensi  
*Contingency plan*

(xii) Persampelan di titik pelepasan efluen  
*Sampling point of effluent discharge*

(xiii) Kaedah pelupusan  
*Disposal method*

E. Butiran Perunding Pensampelan  
*Sampling Consultant Details*

(i) Nama syarikat  
*Company name*

(ii) No. pendaftaran syarikat  
*Company registration no.*

(iii) Alamat  
*Address*

(iv) Nama ahli kimia yang dilantik dan no. pendaftaran  
*Appointed chemist name and the registration no.*

(v) Alamat  
*Address*

(vi) No. telefon, no. faks, e-mel  
*Telephone no., fax no, e-mail address*

(vii) Tandatangan pemilik premis  
*Signature of the owner of the premise*

(viii) Tarikh  
*Date*



F. Untuk kegunaan pejabat  
*For office use*

- (i) Nama penerima  
*Name of the recipient*
  - (ii) Tarikh terima  
*Date received*
  - (iii) Jumlah bayaran (RM)  
*Total cost (RM)*
  - (iv) No. resit  
*Receipts no.*
  - (v) No.fail  
*File no.*
  - (vi) Bil pemohon  
*No. of applicants*
- Sila kembalikan borang ini kepada Lembaga Sumber Air Negeri Kedah  
*Please return this form to Kedah Water Resources Board*

JADUAL KEENAM

Subperaturan 14(5)

(1) Bil	(2) Aktiviti pelepasan efluen	(3) Had keluasan/ Bilangan/Jenis
1.	Akuakultur air tawar dalam kolam atau sangkar	1-20 hektar
2.	Akuakultur air laut dalam kolam	1-10 hektar
3.	Pembangunan atau kerja tanah	1-20 hektar
4.	Penternakan babi	semua ladang tanpa mengira bilangan
5.	Penternakan selain babi	ternakan berkaki 2 (lebih daripada 10,000 ekor)

(1) Bil	(2) Aktiviti pelepasan efluen	(3) Had keluasan/ Bilangan/Jenis
		ternakan berkaki 4 (lebih daripada 50 ekor)
6.	Haiwan kesayangan	anjing atau kucing lebih daripada 20 ekor
7.	Aktiviti kuari	sebarang jenis pengambilan pasir, pencucian pasir, tanah dan lain-lain tanpa mengira kuantiti.  perlombongan atau kuari kurang daripada 20 hektar
8.	Bengkel kenderaan	kenderaan (tidak terhad kepada kereta, motosikal, lori, van, bas dan lain-lain)  vesel (tidak terhad kepada bot nelayan, bot penumpang, bot memancing dan lain-lain).
9.	Aktiviti pertanian	1-20 hektar

## JADUAL KETUJUH

[Subperaturan 16(3)/Subregulation 16(3)]

## BORANG D/FORM D

*ENAKMEN SUMBER AIR KEDAH 2008  
KEDAH WATER RESOURCES ENACTMENT 2008*

PERATURAN-PERATURAN SUMBER AIR KEDAH (AKTIVITI PELEPASAN EFLUEN) 2017  
*KEDAH WATER RESOURCES REGULATIONS (EFFLUENT DISCHARGE ACTIVITIES) 2017*

LAPORAN UJIAN PEMANTAUAN KUALITI AIR/*WATER QUALITY MONITORING REPORT*

---

A. Butiran Pemohon/*Applicant Particulars*

---

- (i) Nama syarikat  
*Company name*

- 
- (ii) No. pendaftaran syarikat  
*Company registration no.*
  - (iii) Alamat  
*Address*
  - (iv) No.telefon, no. faks, e-mel  
*Telephone no., fax no., email address*
  - (v) Pegawai bertanggungjawab  
*Responsible officer*
  - (vi) No. kad pengenalan  
*I/C no.*

---

B. Jenis Aktiviti/*Types of Activities*

---

- (i) Akuakultur air tawar dalam kolam atau sangkar  
*Freshwater aquaculture inside pond or cage*
- (ii) Akuakultur air laut dalam kolam  
*Seawater aquaculture inside pond*
- (iii) Pembangunan atau kerja tanah  
*Development or earthwork*
- (iv) Penternakan babi  
*Pig farming*
- (v) Penternakan selain babi  
*Livestocks other than pig*
- (vi) Haiwan kesayangan  
*Pet*
- (vii) Aktiviti kuari  
*Quarry activity*
- (viii) Bengkel kenderaan  
*Workshop*
- (ix) Aktiviti pertanian  
*Agriculture*

---

C. Butiran Ujian Kualiti Air/*Details of Water Quality Test*

---

- (i) Tarikh  
*Date*
- (ii) Masa  
*Time*
- (iii) Lokasi pensampelan (koordinat jika ada)  
*Sampling location (coordinate, if any)*
- (iv) Parameter yang diujikaji  
*Tested parameter*
- (v) Kaedah ujikaji  
*Sampling method*
- (vi) Keputusan  
*Result*
- (vii) Pengesahan ahli kimia  
*Chemist verification*

---

D. Butiran Ahli Kimia/*Details of Chemist*

---

- (i) Nama syarikat  
*Company name*
- (ii) No. pendaftaran syarikat  
*Company registration no.*
- (iii) Alamat  
*Address*
- (iv) Nama ahli kimia yang dilantik dan no. pendaftaran  
*Appointed chemist name and the registration no.*
- (v) Alamat  
*Address*
- (vi) No. telefon, no. faks, e-mel  
*Telephone no., fax no., e-mail address*
- (vii) Tandatangan pengarah syarikat  
*Signature of the director of the company*
- (viii) Tarikh  
*Date*

---

Petunjuk bagi kegunaan Susunan B Jadual Kedua dan Jadual Keempat adalah seperti berikut:

1. Keperluan Oksigen Biokimia : BOD<sub>5</sub>
2. Keperluan Oksigen Kimia : COD
3. Jumlah Pepejal Terampai : TSS
4. Jumlah Nitrat : TN
5. Jumlah Fosforus : TP
6. Ammoniakal Nitrogen : AN

Bertarikh:

[(LSANK 600-1/2/6 ; PUN(K) 100-1/1/2-2 Jld 2(8)]

DATO' SERI AHMAD BASHAH BIN MD. HANIPAH  
*Pengerusi*  
*Lembaga Sumber Air Negeri Kedah*

---

KEDAH WATER RESOURCES ENACTMENT 2008

KEDAH WATER RESOURCES (EFFLUENT DISCHARGE ACTIVITIES)  
REGULATIONS 2017

---

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

---

PART I

PRELIMINARY

Regulation

1. Citation and commencement
2. Interpretation

PART II

LICENSING

3. Application for licence
4. Grant of licence
5. Duration and renewal of licence
6. Change in particulars of licensee
7. Replacement of licence
8. Standard conditions applicable to all licensee
9. Licence to be exhibited and produced upon request

PART III

FEES, CHARGES AND SECURITY

10. Licence fee
11. Effluent discharge activities charges
12. Security
13. Recovery of money due

---

PART IV

CONTROL OF EFFLUENT DISCHARGE ACTIVITIES

Regulation

14. Requirement for general control
15. Permitted standard limit of parameter
16. Monitoring of water quality
